

 *Special One Publication*


Membongkar **Skandal** Deepak & Bank Rakyat

Dari
Isi Hati
Sabbaruddin
Chik

9595

SHA

SHAHBUDIN HUSIN



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

Ayah Tun Dr. Mahathir



**MEMBONGKAR
SKANDAL
DEPAK &
BANK RAKYAT**

**DARI ISI HATI
SABBARUDDIN CHIK**

SHAHBUDIN HUSIN

PUSTAKA PERDANA



1011052



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

#251345

**MEMBONGKAR
SKANDAL
DEEPAK &
BANK RAKYAT**

**DARI ISI HATI
SABBARUDDIN CHIK**

321.959E
SHN



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

MEMBONGKAR SKANDAL DEEPAK & BANK RAKYAT DARI ISI HATI SABBARUDDIN CHIK

Cetakan Pertama Mac 2015
Hakcipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa cara bentuk sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Penerbit
SPECIAL ONE PUBLICATION
No 4, Jalan 2/18, Dataran Templer
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor.
Email: shahbudinhusin@gmail.com

Pencetak
Percetakan Cemerlang
1A, Jalan TPK 3/9
47100, Bandar Kinara
Kuala Lumpur

Rekabentuk Kulit & Layout
Warisan Global
Tel: 012-6519875

Harga Semenanjung: RM30.00
Sabah/Sarawak: RM33.00


ISBN: 978-967-10736-3-6



KANDUNGAN

Seuntai Kata Dari Penulis

Bab 1	Pengenalan	1
Bab 2	Skandal Deepak Dengan Bank Rakyat	8
Bab 3	Saya Tak Mahu Bank Rugi	17
Bab 4	“Mengapa Buat Saya Macam Ni?”	20
Bab 5	Terkorban Kerana Prinsip	30
Bab 6	Apa Kata Sanusi Junid Tentang Sabbaruddin	38
Bab 7	Siapa Deepak?	42
Bab 8	Tengku Razaleigh Persoal Pinjaman Kepada Deepak	54
Bab 9	Kenyataan Akhbar Rafizi Mengenai Skandal Bank Rakyat	57
Bab 10	Mula-Mula Elak Jumpa Wartawan, Hanya Kemudian ...	60
Bab 11	Kenyataan SPRM	62



Bab 12	Kenyataan Hasan Malek	64
Bab 13	Jawapan Kepada Hasan Malek	70
Bab 14	Mahfuz Kecewa Penjelasan Menteri	73
Bab 15	Penjelasan Ahmad Maslan Di Parlimen	78
Bab 16	Jawapan Kepada Ahmad Maslan	80
Bab 17	Untung Jadi Deepak...	83
Bab 18	Sabbaruddin Tidak Pernah Disiasat, Tapi Apakah Ugutan Bukan Rasuah?	88
Bab 19	Tiada Sesiapa Pernah Disiasat Kecuali Rafizi	93
Bab 20	Apa Salahnya Bayar Dengan Cek Post-Dated?	96
Bab 21	Tetap Menolak Walau Ditawar Jawatan Lain	99
Bab 22	Kenapa Pengerusi Bank Rakyat Masih Kosong Lagi?	102
Bab 23	Hasan Malek Benar-Benar Berdendam Rupanya	107
Bab 24	Sumbangan Sabbaruddin Di Bank Rakyat	110
Bab 25	Mengenal Sabbaruddin Chik	114
Bab 26	Mengapa Saya Setuju Cerita Ini Dibukukan ...	124

- **Gambar-Gambar**

- **Autograf**

Seuntai kata **Dari Penulis**

APABILA mula kedengaran isu kontrak Tan Sri Sabbaruddin Chik sebagai Pengerusi Bank Rakyat enggan diperbaharui oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek, pada mulanya berita mengenainya hanya dimainkan oleh segelintir pemilik akaun media sosial saja.

Dalam tulisan di media sosial itu disebut bagaimana Tan Sri Sabbaruddin tidak lagi disambung kontrak perkhidmatannya kerana enggan menuruti arahan Menteri berhubung penyelesaian baki pinjaman melibatkan ahli perniagaan kontroversi, Deepak Jaikishan.

Di kalangan pemimpin UMNO dan masyarakat um

pula, ia sedikit demi sedikit mula diperbualkan. Lebih-lebih lagi mereka yang mengenali Tan Sri Sabbaruddin, tentu saja ingin mengetahui cerita sebenar apa yang berlaku.

*Selaku penulis di blog **shahbudindotcom**, sebaik semakin meluasnya percakapan mengenai apa yang berlaku kepada dirinya, saya telah berusaha untuk menemui Tan Sri Sabbaruddin untuk mendengar sendiri penjelasan daripada mulutnya.*

Disebabkan beberapa urusan dan kesibukannya, saya hanya dapat bertemu dengan Tan Sri Sabbaruddin pada suatu petang di minggu kedua bulan Mei 2014 di Restoran Decanter, Bukit Damansara. Restoran yang terletak tidak jauh dari rumahnya itu memang merupakan antara tempat pertemuan yang menjadi kegemaran Tan Sri Sabbaruddin.

*Berikutan itu, blog **shahbudindotcom** kemudiannya telah menyiarkan artikel bertajuk “Urusan Membantu Deepak Rupanya Dilakukan Di Pejabat Menteri, Tapi Kenapa Najib Masih Diam?” pada 20 Mei 2014.*

Saya adalah pengamal media yang pertama menemubual Tan Sri Sabbaruddin dan menulis berita mengenai “pemecatannya” itu.

Tulisan di blog itu turut juga dijadikan berita dalam portal Free Malaysia Today pada 21 Mei 2014 serta menjadi petikan beberapa blog yang lain.

Beberapa hari kemudian apabila sebuah lagi portal, Malaysian Insider mengadakan temubual dengan Tan Sri

Sabbaruddin dan menyiarkan beritanya bertajuk “Sabbaruddin Chik Salahkan Menteri, Kontrak Pengerusi Bank Rakyat Tak Diperbaharui” pada 26 Mei 2014, isu berkenaan semakin meluas diperkatakan serta semakin ramai yang memberi kenyataan mengenainya.

Parti-parti pembangkang tidak henti-henti, selain memberi kenyataan demi kenyataan, turut juga membuat pendedahan demi pendedahan mengenai penyelesaian baki pinjaman melibatkan Deepak yang diarahkan oleh Menteri agar Lembaga Pengarah Bank Rakyat meluluskannya.

Ramai yang ingin tahu mengapa Menteri memberi arahan sedemikian dan mengapa pula Lembaga Pengarah menolak untuk tunduk kepada arahan tersebut?

Oleh kerana ia melibatkan Deepak, ramai juga yang ingin tahu sama ada perkara ini dalam pengetahuan Perdana Menteri atau sebaliknya?

Berbulan-bulan isu Bank Rakyat ini berlarutan sehingga ia kemudiannya senyap begitu saja, yang agak menghairankan tidak pernah kedengaran walau sepatutnya pun perkataan reaksi daripada Perdana Menteri mengenainya.

Timbul pertanyaan, kenapa Perdana Menteri sanggup membisukan suaranya sedangkan yang menjadi mangsa adalah rakan lamanya dalam kabinet dan sama-sama pula berasal dari Pahang? Tidak tercuitkah walau sedikit pun di hati kecilnya dengan apa yang berlaku kepada Tan Sri Sabbaruddin?

Menjadi pertanyaan juga, apakah yang berlaku selepas itu dalam isu Bank Rakyat ini?

Bersama beredarnya masa dan semakin kerap pula berbual-bual dengan Tan Sri Sabbaruddin, topik Bank Rakyat jarang benar terkecuali daripada menjadi bahan percakapan bila berjumpa dengannya. Dalam setiap kali perbualan, biasanya di Decanter sambil menghirup Nescafe C atau Teh O, banyak perkara-perkara baru yang di luahkannya yang tidak pernah diketahui sebelum ini.

Apabila kemudian Tan Sri Sabbaruddin memutuskan untuk membukukan semua luahan isi hatinya sepanjang kelumut dalam Bank Rakyat, dalam beberapa pertemuan dan temubual, semakin banyak perkara menarik yang selama ini hanya tersembunyi dalam dirinya terdedah sedikit demi sedikit.

*Sebagai penulis yang pertama menemubual dan menyiarkan berita mengenai apa yang berlaku kepada dirinya dalam isu Bank Rakyat di blog **shahbudindotcom**, saya melihat isu ini bukan sekadar pemberhentian kerja biasa. Sebab itu, membukukan isi hati Tan Sri Sabbaruddin ini turut merupakan pengalaman baru dan berharga buat saya.*

Ia tidak setakat pertelingkahan antara Menteri dengan Pengerusi Bank Rakyat, tetapi lebih luas daripada itu. Ia menilai erti sebenar kejujuran, amanah dan tanggungjawab, prinsip dalam perjuangan, keberanian dan tidak kurang juga nilai setiakawan dan persahabatan.

Semuanya terangkum dalam satu acuan yang kebanyakan orang gemar mengamalkannya tetapi malu untuk

mengakuinya - menjaga perut dan tembok masing-masing.

Dalam isu pinjaman melibatkan Deepak, saya melihat isunya ialah kerana Tan Sri Sabbaruddin terperangkap antara ketegasan ingin mempertahankan prinsip dan kebenaran dengan pihak lain yang hanya memikirkan kepentingan diri masing-masing.

Jika beliau sedia bertolak ansur, berkompromi dan menjadi "yes man", pasti semuanya beres belaka.

Dalam keadaan dunia yang semakin kritikal dan mendesak ketika ini, apa yang berlaku kepada Tan Sri Sabbaruddin sebenarnya mungkin juga berlaku kepada sesiapa saja dalam konteks dan suasana yang berbeza.

"Sukar untuk berlaku jujur dan tidak dimangsakan dalam dunia yang sebenarnya tidak lagi jujur ini." Ini adalah antara ungkapan yang selalu diluahkan oleh Tan Sri Sabbaruddin setiap kali berbual-bual dengannya.

Meskipun demikian, sebagai manusia dan beragama Islam pula, nilai-nilai kejujuran, prinsip dan kebenaran seharusnya kekal menjadi pegangan, walaupun nilainya semakin murah, umpama ringgit yang terus menjunam di pasaran antarabangsa ketika ini. Hidup tidak sekadar meriah di dunia, cahaya untuk menerangi di akhirat haruslah difikirkan sama.

Dalam buku ini Tan Sri Sabbaruddin adalah mangsanya, tetapi mudah-mudahan kita semua mendapat pengajaran dalam iktibar daripadanya.



Semoga buku ini memberi manfaat kepada sesiapa saja yang cintakan keadilan dan kebenaran serta sama-sama beriltizam menolak kebatilan dan kepalsuan agar masa depan dunia ini lebih aman dan sejahtera untuk generasi akan datang.

*Shahbudin Husin
12 Februari 2015*



Saya “berselfie” dengan Tan Sri Sabbaruddin Chik di Restoran Decanter, Bukit Damansara dalam pertemuan pada pertengahan Mei 2014 iaitu sebaik beliau ditamatkan perkhidmatannya dengan Bank Rakyat.

Membongkar Skandal Deepak & Bank Rakyat

BARANGKALI ramai yang masih tertanya-tanya, apa sudahnya kes Bank Rakyat yang melibatkan Tan Sri Sabbaruddin Chik, Datuk Seri Hasan Malek dan ahli perniagaan karpet, Deepak Jaikishan yang pernah menjadi bualan ramai suatu ketika dulu?

Setelah heboh di media di mana pelbagai kenyataan dan desakan telah kedengaran, adakah sesuatu tindakan telah diambil oleh kerajaan? Apakah SPRM melakukan siasatan dan sudahkah dilantik pengerusi baru menggantikan Tan Sri Sabbaruddin?

Apakah tidak disambung kontrak memba-wa kesedihan kepada Tan Sri Sabbarud-din? Apakah pula yang dilaluinya ketika detik-detik akhir di bank itu?

Buku ini bukan saja membongkar isi hati Tan Sri Sabbaruddin yang tidak pernah diluarkannya kepada sesia-pa sebelum ini, tetapi juga menye-longkar banyak sisi lain yang tidak mungkin dapat ditatap di mana-ma-na sumber pembacaan.

Semua yang selama ini tersembunyi boleh didapati daripada buku ini.



ISBN 978-967-10736-3-6



9 789671 073636

Harga: RM30.00
Sabah/Sarawak: RM33.00